

# Annan beri syarahan pada Siri Khazanah Merdeka

Bekas Setiausaha Agung PBB ulas isu pembangunan Malaysia, rantau Asia

BA-30/6/2007

Oleh Saufi Hamzah

**K**UALA LUMPUR: Bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan (**gambar**) akan menyampaikan syarahan pada program Syarahan Global Khazanah (KGL) sempena Siri Khazanah Merdeka, di sini, pada 12 Julai ini.


Annan dijangka menyentuh mengenai pembangunan antarabangsa, termasuk pertumbuhan sosioekonomi Malaysia dan masyarakat pelbagai kaum.

Pengarah Urusan Khazanah Nasional Berhad (Khazanah Nasional), Datuk Azman Mokhtar, berkata pengalaman luas Annan dengan pelbagai institusi berupaya memberikan pandangan bernas kepada Ma-

laysia untuk mencapai matlamat pembangunan ditetapkan.

"Annan akan mengulas mengenai Malaysia dan rantau Asia dengan mengambil kira kuasa ekonomi baru dan kuasa politik serta pengaruh mereka di rantau ini, hubungan antarabangsa dan kemungkinan mengalih isu antarabangsa yang boleh membentuk negara ini dan dunia pada masa depan," katanya ketika mengumumkan Siri Khazanah Merdeka yang dibahagi kepada tiga komponen iaitu KGL, Seminar Pembangunan Khazanah Nasional (KNDS) dan Forum Megatrends Khazanah 2007 (KMF2007) di Carcosa Seri Negara, semalam.

Hadir sama Pengarah Eksekutif Penyelidikan dan Strategi Pelaburan Khazanah Nasional, Dr Nungsari Ah-



mad Radhi.

Antara lain Siri Khazanah Merdeka bertujuan mendidik rakyat Malaysia supaya mendalami pengetahuan mengenai sejarah negara dan perkembangannya serta merangka pembangunan masa depan dengan belajar daripada intelektual bertaraf dunia, teknokrat dan pemimpin perniagaan.

Azman berkata, Pengarah Urusan Bank Grameen, Prof Muhammad Yunus dan bekas Ketua Ahli Ekonomi Bank Dunia, Joseph E Stiglitz akan menyampaikan syarahan masing-masing pada 15 Ogos dan 29 Ogos ketika KGL berkenaan.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menyampaikan syarahan pada 10 Disember," katanya.